



**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
TAMAN BERKAT, MUKIM MATANG, PERAK (DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA)
BERKUATKUASA 6 JUN 2021**

Dikemaskini pada 5 Jun 2021

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Kawasan Yang Terlibat

Taman Berkat, Mukim Matang, Perak (Daerah Larut Matang Dan Selama).

Tempoh Kuat kuasa

6 Jun 2021 (12.01 pagi) sehingga 19 Jun 2021 (11.59 malam).

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM Dan RELA.
- Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.
- Semua penduduk di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan **case by case basis**.
- Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah (*work from home*).
- Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
- Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKPD.

Saluran Makanan dan Keperluan

- Keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Larut Matang Dan Selama dan diagihkan oleh APM dan RELA.
- Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Larut Matang Dan Selama.

Aktiviti Dalam Kawasan PKPD

- Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.
- Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan